

SIARAN AKHBAR

Bahagian Hal Ehwal Awam dan
Komunikasi Korporat Kumpulan
Lembaga Tabung Haji
Lantai 16, Bangunan Tabung Haji,
201, Jalan Tun Razak, 50732 Kuala Lumpur
Tel : 03 2054 2132
Faks : 03 2164 0436

Tabung Haji Contact Centre
Tel : 03 6207 1919
Faks : 03 7728 4959

www.tabunghaji.gov.my

TABUNG HAJI MELABUR DALAM HARTANAH DI PETALING JAYA

Pelaburan jangka panjang memberikan pulangan yang stabil

PETALING JAYA, 21 Disember 2020 – Lembaga Tabung Haji (**TH**) hari ini telah menandatangani tawaran pembelian sebuah menara pejabat daripada Bukit Damansara Development Sdn. Bhd. iaitu anak syarikat milik penuh Johor Corporation (JCorp) dengan harga RM147 juta.

Menara VSQ 1 ialah menara pejabat 20 tingkat yang terletak di Petaling Jaya, Selangor dan berfungsi sebagai ibu pejabat QSR Brands, yang mengendalikan rangkaian restoran makanan segera KFC dan Pizza Hut di Malaysia.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif **TH**, YBhg. Datuk Nik Mohd Hasyudeen Yusoff berkata pelaburan terbaru ini dijangka memberikan pulangan sebanyak 5.5 peratus berdasarkan perjanjian penghunian penuh dan penyewaan jangka panjang bangunan.

"Sebagai pemegang amanah para pendeposit, **TH** akan terus mencari peluang di dalam membuat pelaburan baru secara langsung atau tidak langsung bagi menambah portfolio hartanah yang dapat memberikan pendapatan berulang dan stabil, sekaligus memberi pulangan yang mampan kepada 9 juta pendeposit **TH**," kata beliau.

Menara VSQ 1 terletak di Petaling Jaya, sebuah bandaraya yang pesat membangun dengan lebih 600,000 penduduk. Kedudukan strategik yang disokong rangkaian lebuhraya menjadikannya lokasi popular untuk pembeli dan pelabur hartanah.

YB Senator Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab bagi Hal Ehwal Agama, menyaksikan upacara menandatangani perjanjian tersebut di mana **TH** diwakili oleh Tuan Haji Hizamuddin b. Jamalluddin, Pengarah Eksekutif Pelaburan sementara Bukit Damansara Development Sdn. Bhd. diwakili oleh Encik Hazman Hilmi Sallahuddin, merangkap Pengarah Urusan Damansara Assets Sdn. Bhd.

“**TH** sentiasa komited untuk memberikan kerjasama dan perkhidmatan yang terbaik kepada para penyewa dan berharap QSR Brands akan terus berada di bangunan ini untuk tempoh yang lama. **TH** mendoakan JCorp dan QSR Brands terus berkembang maju pada masa yang akan datang,” kata beliau.

TH bercadang menambah pelaburannya dalam sektor hartanah pada masa hadapan sejajar dengan Rancangan Malaysia ke-12.

Majlis turut dihadiri oleh YBhg. Tan Sri Md Nor Yusof, Pengerusi **TH**; YBhg. Datuk Syed Mohamed Syed Ibrahim, Presiden dan Ketua Eksekutif JCorp; dan YBhg. Datuk Sr. Akmal bin Ahmad, Pengarah Divisyen Hartanah dan Infrastruktur JCorp merangkap Pengarah Damansara Assets Sdn. Bhd.

-Tamat-

LEMBAGA TABUNG HAJI

Lembaga Tabung Haji (**TH**) merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia pada tahun 1963 dan ditadbir berdasarkan Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535). **TH** menyediakan kemudahan bagi umat Islam di negara ini menyimpan wang untuk mengerjakan haji. **TH** mempunyai lebih 50 tahun pengalaman dalam perkhidmatan simpanan, haji dan pelaburan. Sebagai sebuah institusi haji terunggul negara, **TH** berusaha untuk mengukuhkan ekonomi umat Islam Malaysia dengan memanfaatkan dana dan sumber sedia ada. **TH** komited memberi perkhidmatan cemerlang dan memuaskan kepada semua Jemaah Haji Malaysia. Pencapaian **TH** yang konsisten telah mendapat pengiktirafan dunia sebagai model pengurusan haji inovatif. **TH** mempunyai lebih 9 juta pendeposit dan 125 cawangan dengan lebih 10,000 'touch-points' di seluruh negara. **TH** juga mempunyai sebuah pejabat yang beroperasi di Jeddah, Arab Saudi di bawah Konsulat Malaysia.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati www.tabunghaji.gov.my atau hubungi Tabung Haji Contact Centre di talian 03-6207 1919. Keterangan lanjut mengenai siaran akhbar ini, sila hubungi:

Affan Aimaduddin Azami Eksekutif Bahagian Komunikasi Korporat Lantai 16, Menara TH Tun Razak 201 Jalan Tun Razak Kuala Lumpur Tel: 03 2054 2238 Tel. Bimbit: 019 984 7138 Faks: 03 2164 0436 Emel: affan.aimaduddin@lth.gov.my	Mohamad Naser Jaffar Pengurus Kanan Bahagian Komunikasi Korporat Lantai 16, Menara TH Tun Razak 201 Jalan Tun Razak Kuala Lumpur Tel: 03 2054 2451 Tel. Bimbit: 019 200 8438 Faks: 03 2164 0436 Emel: naser@lth.gov.my
---	---